# Danaraj a/l Sasekumar lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-480–09 TAHUN 2018 DAN B-05(M)-481–09 TAHUN 2018

KAMALUDIN MD SAID, GUNALAN MUNIANDY DAN GHAZALI CHA HHMR

5 DISEMBER 2022

*Undang-Undang Jenayah — Bunuh — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu-perayu dituduh membunuh dibawah s 302 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Perayu-perayu membangkitkan pembelaan alibi — Hakim bicara mendengar keterangan saksi-saksi — Pertukaran hakim bicara — Hakim bicara yang baru menolak pembelaan alibi — Sama ada Mahkamah Rayuan harus mencampuri penemuan fakta hakim bicara — Sama ada hakim bicara yang baru tidak berpeluang melihat 'demenour' saksi-saksi mata semasa mereka memberikan keterangan — Sama ada hakim bicara yang baru harus memanggil semula saksi-saksi mata — Sama ada 'adverse inference' harus diguna pakai terhadap pihak pendakwaan atas kegagalan memanggil saksi-saksi penting yang membuat laporan polis — Sama ada terdapat percanggahan keterangan diantara saksi-saksi — Sama ada saksi mata boleh dipercayai — Sama ada hakim bicara gagal menimbangkan dengan teliti pembelaan alibi — Akta Keterangan 1950 s 114(g) — Kanun Keseksaan ss 34 & 302*

Perayu pertama dan perayu kedua telah dituduh dengan tuduhan membunuh si mati di bawah s 302 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Pendengaran kes di Mahkamah Tinggi telah dimulakan oleh Yang Arif Tuan Wong Teck Meng, pesuruhjaya kehakiman sebelum diambil alih oleh Yang Arif Dato' Indera Hj Ab Karim bin Hj Ab Rahman. Kes pihak pendakwaan adalah berdasarkan keterangan beberapa orang saksi antaranya SP4, SP8, SP10 dan SP12. Kejadian bunuh ini berlaku pada 12 Oktober 2014 di Shah Alam, Selangor pada jam lebih kurang 1.30 pagi. SP4 dan SP8 adalah ahli keluarga si mati yang melihat kejadian bunuh tersebut dilakukan oleh perayu pertama dan perayu kedua. SP10 pula adalah saudara kepada SP4 yang memberikan keterangan bahawa semasa dia sampai ke tempat kejadian, SP4 dan SP8 tidak memaklumkan kepadanya bahawa perayu pertama dan perayu kedua yang telah membunuh si mati tetapi mereka telah memaklumkan kepadanya bahawa terdapat lima orang yang telah menyerang si mati. SP12 adalah pegawai penyiasat dalam kes ini yang telah memberikan keterangan bahawa SP4 telah memberitahunya bahawa seramai tiga hingga empat orang telah menyerang si mati. Pembelaan perayu-perayu adalah berdasarkan kepada alibi. Menurut perayu pertama, semasa kejadian, dia bersama-sama dengan ahli

keluarganya terlibat dengan majlis hari lahir adik angkatnya dan selepas itu, dia bersama-sama dengan beberapa orang ahli keluarganya telah pergi ke klinik untuk mendapatkan rawatan bagi abang angkatnya. Perayu kedua pula mendakwa bahawa pada masa kejadian, dia bersama isteri dan anak-anaknya terlibat dengan upacara sembahyang di rumah kakaknya. Pada akhir perbicaraan, hakim bicara telah mensabitkan kedua-dua perayu bersalah. Hakim bicara telah menerima keterangan SP4 dan SP8 yang dikatakan telah melihat perayu-perayu melakukan pembunuhan tersebut. Hakim bicara juga telah menolak pembelaan alibi perayu-perayu kerana, antaranya, terdapat percanggahan keterangan saksi-saksi, saksi-saksi alibi adalah dalam kalangan ahli keluarga perayu-perayu sendiri dan notis-notis alibi tersebut hanya difailkan selepas tiga tahun perayu-perayu ditangkap oleh pihak polis. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu-perayu telah memfailkan rayuan-rayuan semasa. Perayu-perayu berhujah bahawa: (a) prinsip mahkamah yang mendengar rayuan perayu harus perlahan di dalam mencampuri penemuan fakta oleh hakim bicara tidak boleh diterimapakai di dalam kes ini kerana hakim bicara dalam kes ini tidak berpeluang untuk mendengar keterangan dan melihat 'demeanour' saksi mata, iaitu SP4 dan SP8 semasa mereka memberikan keterangan di dalam kes ini; (b) mahkamah harus membuat 'adverse inference' di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap responden kerana gagal untuk memanggil dua orang saksi penting iaitu ibu si mati dan seorang yang bernama Geetha yang telah membuat laporan polis berkaitan dengan kejadian pembunuhan tersebut; dan (c) terdapat percanggahan keterangan antara saksi-saksi responden.

**Diputuskan**, membenarkan rayuan-rayuan, mengenepikan keputusan dan hukuman oleh hakim bicara, dan memerintahkan agar perayu-perayu dibebaskan dan dilepaskan:

(1) Mahkamah bersetuju dengan perayu-perayu bahawa prinsip yang menyatakan bahawa mahkamah yang mendengar rayuan harus perlahan di dalam mencampuri penemuan fakta oleh hakim bicara tidak boleh diterimapakai di dalam kes ini kerana hakim bicara dalam kes ini tidak berpeluang untuk mendengar keterangan dan melihat 'demeanour' saksi mata, iaitu SP4 dan SP8 semasa memberikan keterangan mereka di dalam kes ini. Selain itu, hakim bicara telah gagal untuk memanggil semula SP4 dan SP8 bagi mendapatkan pencerahan berkenaan dengan apa yang mereka dengar dan apa yang mereka berdua lihat pada malam kejadian. Hakim bicara juga perlu memberikan tumpuan bahawa kedua-dua saksi ini mempunyai hubungan atau pertalian kekeluargaan dengan si mati. Kecenderungan untuk menokok tambah fakta-fakta pemberatan terhadap kedua-dua perayu tidak boleh dianggap tidak relevan (lihat perenggan 14(b)–(c)).

(2) Berdasarkan laporan-laporan polis yang dibuat oleh Geetha dan ibu kepada si mati, nama perayu pertama dan perayu kedua tidak dinyatakan

dalam laporan-laporan tersebut. Mahkamah bersetuju dengan hujahan perayu-perayu bahawa satu 'adverse inference' bolehlah diambil pakai terhadap pihak responden menurut s 114(g) Akta Keterangan 1950. Mahkamah mendapati sekiranya kedua-dua saksi ini dipanggil memberi keterangan nescaya mereka akan dapat mengesahkan isi kandungan kedua-dua laporan polis tersebut (lihat perenggan 14(f)).

(3) Berdasarkan keterangan SP10 yang menyatakan bahawa setelah dia sampai ke tempat kejadian, SP4 dan SP8 tidak memaklumkan kepadanya bahawa perayu pertama dan perayu kedua yang telah menetak si mati, mahkamah menyimpulkan bahawa SP4 memang tidak dapat mengecamkan penyerang-penyerang si mati pada malam itu. Perkara ini membangkitkan satu keraguan kepada kredibiliti SP4 sendiri. Selain itu, terdapat juga percanggahan keterangan antara SP4, SP8, SP10 dan SP12 berkenaan dengan jumlah orang yang terlibat dalam menyerang si mati (lihat perenggan 14(g)–(h)).

(4) Mengenai pembelaan alibi oleh kedua-dua orang perayu, mahkamah mendapati hakim bicara telah gagal untuk menimbangkan dengan teliti pembelaan tersebut. Ini kerana pembelaan tersebut telah seawal-awal lagi dinyatakan oleh perayu-perayu kepada pegawai penyiasat SP12, namun, SP12 telah gagal untuk menjalankan siasatan rapi khususnya untuk menemubual pihak klinik yang merawat pesakit yang dibawa oleh perayu pertama ke klinik tersebut. Hakim bicara juga telah meletakkan satu beban terhadap perayu kedua yang gagal untuk memanggil jiran-jiran berdekatan rumah kakak perayu pertama untuk membuktikan upacara sembahyang yang dinyatakan oleh perayu kedua di dalam notis alibinya. Perlu diingat bahawa tugas perayu kedua apabila dipanggil untuk membela diri hanyalah untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa hakim bicara telah tersalah arah yang mewajarkan campur tangan rayuan terhadap dapatan-dapatan hakim bicara tersebut (lihat perenggan 14(i)–(j)).

**[English summary**

The first appellant and the second appellant were charged with murder under s 302 read with s 34 of the Penal Code. The hearing of the case in the High Court was started by the honorable Tuan Wong Teck Meng, the judicial commissioner before being taken over by the honorable Dato' Indera Hj Ab Karim bin Hj Ab Rahman. The prosecution's case was based on the testimonies of several witnesses including SP4, SP8, SP10 and SP12. This murder happened on 12 October 2014 in Shah Alam, Selangor at approximately 1.30am. SP4 and SP8 were members of the deceased's family who saw the first appellant and the second appellant committed the offence. SP10 was the cousin of SP4 who testified that when he arrived at the scene, SP4 and SP8 did not inform him that the first appellant and the second appellant had murdered the deceased, but they had informed him that there were five people who had

A attacked the deceased. SP12 was the investigating officer in this case who had testified that SP4 had told him that three to four people had attacked the deceased. The defense of the appellants was based on alibi. According to the first appellant, at the time of the incident, he and his family members were involved in his adopted sister's birthday party and afterwards, he and some of
B his family members went to the clinic to seek treatment for his adopted brother. The second appellant claimed that at the time of the incident, he and his wife and children were involved in a prayer ceremony at his sister's house. At the end of the trial, the trial judge found both the appellants guilty. The trial judge accepted the testimony of SP4 and SP8 who were said to have seen the
C appellants committed the murder. The trial judge also rejected the appellants' alibi defence because, inter alia, that there was a contradiction in the testimony of the witnesses, the alibi witnesses were among the appellants' own family members and the alibi notices were only filed after three years of the appellants being arrested by the police. Dissatisfied with the decision, the appellants had
D filed the present appeals. The appellants argued that: (a) the principle that the court hearing the appellant's appeal should be slow in interfering with the findings of fact by the trial judge could not be adopted in this case because the trial judge in this case did not have the opportunity to hear the evidence and see the 'demeanour' of the eyewitnesses, ie SP4 and SP8 when they gave evidence
E in this case; (b) the court should invoke an 'adverse inference' under s 114(g) of the Evidence Act 1950 against the respondent for failing to call two material witnesses, ie the deceased's mother and a person named Geetha who had lodged police reports related to the murder incident; and (c) there were contradictory testimonies between the respondent's witnesses.

F

**Held**, allowing the appeals, setting aside the decision and sentence by the trial judge, and ordering the appellants to be acquitted and discharged:

(1) The court agreed with the appellants that the principle which stated that
G the court hearing the appeal should be slow in interfering with the findings of fact by the trial judge could not be adopted in this case because the trial judge in this case did not have the opportunity to hear the testimony and see the 'demeanor' of the eye-witnesses, namely SP4 and SP8 when giving their testimony in this case. In addition, the trial
H judge failed to recall SP4 and SP8 to seek clarification regarding what they heard and what they both saw on the night of the incident. The trial judge was also required to focus on the fact that these two witnesses had a relationship or family relationship with the deceased. The tendency to adduce incriminating facts against both the appellants could not be
I considered irrelevant (see paras 14(b)–(c)).

(2) Based on the police reports made by Geetha and the deceased's mother, the names of the first appellant and the second appellant were not mentioned in the reports. The court agreed with the argument of the appellants that an 'adverse inference' could be invoked against the

respondent according to s 114(g) of the Evidence Act 1950. The court found that if these two witnesses were called to testify, they would surely be able to confirm the contents of both the police report (see para 14(f)).

(3) Based on SP10's testimony stating that after he arrived at the scene, SP4 and SP8 did not inform him that the first appellant and the second appellant had attacked the deceased, the court concluded that SP4 was indeed unable to identify the attackers of the deceased during the incident. This raised a doubt to SP4's own credibility. In addition, there was also a discrepancy in evidence between SP4, SP8, SP10 and SP12 regarding the number of people involved in attacking the deceased (see para 14(g)–(h)).

(4) Regarding the defence of alibi by both appellants, the court found that the trial judge had failed to carefully consider the defence. This was because the appellants had mentioned about the defence to the investigating officer SP12 from the very beginning, but SP12 failed to carry out a thorough investigation especially to interview the clinic that treated the patients brought by the first appellant to the clinic. The trial judge also placed a burden on the second appellant who failed to call the neighbours who lived near the first appellant's sister's house to prove the prayer ceremony mentioned by the second appellant in his notice of alibi. It should be noted that the duty of the second appellant when called upon to defend himself was only to raise a reasonable doubt. Therefore, the court found that the trial judge had misdirected himself which justified the appellate intervention against the trial judge's findings (see paras 14(i)–(j)).]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Arumugam s/o Muthusamy v PP* [1998] 3 MLJ 73; [1998] 3 CLJ 597, MP (dirujuk)
*Balachandran v PP* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
*Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138, MT (dirujuk)
*Duis Akim & Ors v PP* [2014] 1 MLJ 49, MP (dirujuk)
*Herchun Singh & Ors v PP* [1969] 2 MLJ 209, MP (dirujuk)
*Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97, MR (dirujuk)
*Maniam Santhiran lwn PP* [2010] 6 CLJ 611, MR (dirujuk)
*R v Turnbull and others* [1976] 3 All ER 549, MR (dirujuk)
*Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175, MP (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Keseksaan ss 34, 302
Kanun Tatacara Jenayah s 402A

**Rayuan daripada:** *Pendakwa Raya lwn Danaraj Sasekumar dan satu lagi* [2020] MLJU 2671 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

*Ramkarpal Singh (Nishwant Kaur bersamanya) (Karpal Singh & Co) dalam Rayuan Jenayah No B-05(M)-480–09 Tahun 2018 bagi pihak perayu.*
*Saha Deva A Arunasalam (Saha & Assoc) dalam Rayuan Jenayah No B-05(M)-481–09 Tahun 2018 bagi pihak perayu.*
*Hanim Mohd Rashid (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) dalam Rayuan Jenayah No B-05(M)-480–09 Tahun 2018 dan B-05(M)-481–09 Tahun 2018 bagi pihak responden.*

**Kamaludin Md Said HMR:**

PENGENALAN

**[1]** Kedua-dua rayuan di atas telah kami dengar bersama. Setelah mengamati dan meneliti hujahan oleh kedua-dua pihak, kami telah membenarkan kedua-dua rayuan di atas, seterusnya kami telah mengenepikan sabitan dan hukuman yang telah diputuskan oleh hakim bicara terpelajar.

**[2]** Kedua-dua perayu telah dituduh dengan satu pertuduhan membunuh seorang lelaki India bernama Kalaymanee a/l Arjune (KPT 820308–10–5997) dibawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama-sama s 34 Kanun yang sama.

**[3]** Pertuduhan terhadap mereka berdua dibaca seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama seorang yang telah dituduh dan tiga lagi yang masih bebas, pada 12hb Oktober 2014 jam lebih kurang 1.30 pagi bertempat di depan rumah alamat: No. 55, Lot 10480, Jalan Bunga Melur, Kg. Baru Hicom, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, di dalam Daerah Petaling, di dalam negeri Selangor Darul Ehsan, telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas Kalaymanee a/l Arjune (KPT: 820308–10–5997), oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

KES PENDAKWAAN

**[4]** Berdasarkan kepada rekod-rekod rayuan, fakta-fakta kes ini diringkaskan seperti berikut:

(a) Kalairasan a/l Arjune (SP4) merupakan adik kepada si mati Kalaymanee a/l Arjune ('si mati'). Sementara Suresh a/l Nathan (SP8) merupakan saudara si mati;

(b) pada 12 Oktober 2013 kira-kira jam 1 pagi atau 1.20 pagi ketika SP4 dan SP8 sedang tidur di rumah No 55 Lot 10480, Jalan Bunga Melur, Kg Baru Hicom, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, terdengar jeritan si mati.

Sebelum SP4 dan SP8 masuk tidur, mereka ada berbual dengan si mati di dalam rumah tersebut. Pada jam 10 lebih malam 11 Oktober 2013 itu, ketika itu si mati minta wang daripada SP4 untuk membeli arak. Si mati dikenali sebagai Jeva dan SP4 sebagai Kojak. Ketika kejadian ibu si mati, Pugatuaran a/l Arjune (SP10) adik si mati dan isterinya telah keluar pergi ke rumah saudara mereka membuat biskut untuk Deepavali;

(c) SP8 semasa kejadian tidur di atas sofa di ruang tamu. Manakala SP4 tidur di dalam bilik. Apabila mendengar jeritan si mati meminta tolong SP8 telah bangun dan pergi ke pintu kecil di ruang tamu dan merapatkan pintu. Dari situ, SP8 terus pergi ke ruang dapur ke arah bahagian tingkap nako dapur. Ketika itu SP4 yang juga terjaga telah mendahului SP8 pergi ke ruang dapur untuk melihat apa yang terjadi dan telah menyalakan lampu kalimantan luar bahagian dapur. SP8 turut pergi ke tingkap yang sama. Melalui tingkap itu SP8 dan SP4 melihat si mati, tiga orang lelaki sedang menetak si mati. Selepas menetak si mati, ketiga-tiga lelaki india itu berjalan melepasi tingkap dapur menuju ke arah jalan raya. SP8 dalam masa yang sama telah berlari ke pintu *sliding* di ruang tamu dan nampak tiga lelaki india tersebut pergi ke arah jalan raya melarikan diri. Kedua-dua SP4 dan SP8 menyatakan tidak berani keluar dari rumah tersebut untuk menolong si mati. SP8 kemudiannya telah menghubungi pihak polis dengan menggunakan telefon bimbitnya memaklumkan tentang kejadian yang berlaku di rumah tersebut;

(d) sementara SP10 yang berada di rumah saudaranya telah dihubungi oleh SP4 memaklumkan kejadian tersebut. SP10 bersama ibunya dan anaknya terus bergegas balik ke rumah. Tiba di rumah, SP10 melihat si mati terbaring dalam keadaan berlumuran darah dan telah pun meninggal dunia;

(e) pada jam 4.30 petang hari yang sama, Inspektor Mohamad Izwan bin Mansor (SP2) telah menangkap OKT1;

(f) ketika tangkapan dibuat, tertuduh pertama berada di balai ditangkap berbangkit dari satu kes samun oleh Inspektor Thevakumaran. Pada 16 Oktober 2014 satu kawad cam yang dikendalikan oleh Inspektor Thevakumaran a/l Samugan Naga (SP11) telah dijalankan dengan SP4 dan SP5 telah mengecam tertuduh pertama sebagai salah seorang penyerang yang menetak si mati pada hari kejadian;

(g) pada 6 Januari 2015, anggota polis Omar bin Jamaluddin (SP9) telah menangkap tertuduh kedua. Satu kawad cam dikendalikan oleh Inspektor Jasmin bin Misran (SP3) telah dijalankan dengan SP4 telah mengecam tertuduh kedua sebagai salah seorang penyerang yang menetak si mati; dan

(h) bedah siasat mayat si mati telah dijalankan oleh Dr Nur Ayuthimasery bt Abdullah (SP5) pada hari yang sama 12 Oktober 2014 jam lebih kurang

pukul 10.30 pagi. Hasil bedah siasat yang dijalankan oleh SP5 mendapati terdapat 28 jenis kecederaan pada tubuh si mati. SP5 mendapati bahawa kecederaan pada yang ditandakan No 8, 10, 11, 14, 16 dan 18 merupakan kecederaan yang fatal yang menyebabkan kematian si mati. SP5 menyimpulkan punca kematian si mati adalah akibat *massive blood loss due to the slash wounds to upper limbs.*

KES PEMBELAAN

**[5]** Perayu-perayu telah memberikan keterangan bersumpah apabila dipanggil untuk membela diri. Asas kepada pembelaan mereka adalah alibi setelah kedua-dua mereka memberikan notis alibi bertarikh 23 Februari 2017 (D28) dan 21 Februari 2017 (D29).

(a) pembelaan perayu Danaraj a/l Sasekumar ('perayu pertama'):

(i) perayu pertama sampai di No 11, Tingkat 5, Blok A, Taman PPR, Kampong Baru Hicom, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, Selangor pada jam 11.30 malam untuk menghadiri majlis hari jadi adik angkatnya Vikesniswari a/p M Sivam. Perayu pertama pergi dengan bapanya (SD4), adik lelakinya (SD3), abang angkatnya (SD6), perayu pertama berada di sana sehingga jam 3.30 pagi;

(ii) selepas majlis itu tamat, perayu pertama bersama SD3 dan SD5 telah pergi ke Klinik Lourders, di Seksyen 15, Shah Alam untuk mendapatkan rawatan kepada SD6 yang mengalami pendarahan telinga akibat pergaduhan pada 10 Oktober 2014 jam 12.00 malam. Selesai rawatan perayu pertama, SD6, SD3 dan SD5 pergi makan di sebuah restoran berdekatan klinik itu. Selesai makan, mereka pulang ke rumah dan tidur;

(iii) pada 12 Oktober 2014, jam 5.20 pagi perayu pertama telah ditangkap oleh pihak polis dan memberi percakapannya kepada polis mengenai alibi beliau yang telah ditandakan sebagai eksh D34 yang telah dirakamkan pada 17 Oktober 2014; dan

(iv) keterangan-keterangan sokongan yang dibawa oleh perayu pertama adalah melalui SD3, SD4, SD5, SD6 dan SD7. Kesemua saksi-saksi ini merupakan saudara mara kepada perayu pertama yang dikatakan turut sama hadir ke majlis majlis hari jadi adik angkat perayu pertama pada 12 Oktober 2014 tersebut. Keterangan SD3, SD5 dan SD6 khususnya mengesahkan bahawa pada malam itu majlis tersebut bermula jam 10 malam 11 Oktober 2014 sehingga jam 3 pagi, 12 Oktober 2014. Setelah selesai pada jam 3 pagi, mereka bertiga membawa Prakash (SD6) ke klinik untuk mendapatkan rawatan akibat satu pergaduhan yang melibatkan SD6.

(b) pembelaan bersumpah Logiswaran a/l Anamalai ('perayu kedua'):

(i) pada 19 September 2014, perayu kedua bersama perayu pertama, Krishna, Murty, Mageswaran, Gunalan dan Satiskumar telah pergi ke tempat kejadian ini bertujuan untuk mencari dua orang lelaki India iaitu Tambar dan Visu kerana dikatakan telah mencederakan adik perayu kedua. Bagaimanapun pada masa mereka sampai di rumah itu, mereka hanya berjumpa dengan seorang lelaki bernama Jaspal Singh, manakala Tambar dan Visu tiada di situ;

(ii) dalam pertemuan itu, berlaku pergaduhan diantara perayu kedua bersama rakan-rakannya dengan Jaspal Singh, akibat pergaduhan itu Jaspal Singh mengalami kecederaan akibat ditetak oleh kawan-kawan perayu kedua. Berhubung kejadian ini, perayu kedua telah ditangkap;

(iii) pada 11 Oktober 2014 perayu kedua telah pergi ke rumah kakaknya beralamat di No 5, Jalan Unifi, Kg Subang Mah Sing, Selangor untuk menghadiri upacara sembahyang. perayu kedua membawa isterinya dan tiga orang anak anaknya, mereka berada di alamat ini sehingga tarikh 12 Oktober 2014; dan

(iv) perayu kedua mengatakan bahawa dia mengenali si mati dan Kalairasan atau Kojak. Tetapi dia tidak mengenali Suresh (SP8). Pada 2 Disember 2014, perayu kedua telah ditangkap oleh pihak polis kerana disyaki terlibat di dalam kes samun yang berlaku di Sepang. perayu kedua membawa pembelaan alibi.

PENEMUAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI

**[6]** Hakim Mahkamah Tinggi (hakim bicara), antara lainnya, telah memutuskan seperti berikut:

(a) menolak pembelaan alibi kedua dua perayu apabila hakim bicara menerima keterangan saksi pendakwaan SP4 dan SP8 yang telah dapat mengecamkan kedua-dua perayu dengan positif, ini kerana kedua-dua mereka pada masa kejadian memang berada di tempat kejadian. Hakim bicara telah merujuk kepada keputusan kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> [82] However, alibi could not prevail over the positive identification of an accused person especially so in the face of categorical statements coming from credible witnesses who had no ill motives in testifying.
>
> [83] Thus, in *Mutachi Stephen v Uganda* [2003] UGGA 9 the accused said that on the night the offence took place he was already asleep with his wife. However, there was a witness who had positively identified him. As such his alibi collapsed. He has been squarely put at the scene of crime.

A

> [84] Similarly in the present case it was the finding of the learned trial judge, which we agree, that the appellants had been positively identified by PW1. As such, the alibi defence of the first and second appellants collapsed. And since the third appellant did not rely on alibi it was therefore not relevant to him. Yet the learned trial judge appeared to have also allowed the defence of alibi for the third appellant.

B

(b) hakim bicara turut menolak keterangan perayu pertama berkenaan tarikh sambutan hari jadi adik angkatnya, Vikesniswari, yang jatuh pada 6 Oktober 2014 dan bukannya 11 Oktober 2014. Hakim bicara juga menolak alasan yang diberikan oleh perayu pertama bahawa pada 6 Oktober 2014 dia ketiadaan wang untuk mengadakan majlis hari jadi tersebut pada tarikh 6 Oktober 2014;

C

(c) saksi-saksi alibi perayu pertama juga adalah dari kalangan ahli-ahli keluarga beliau sahaja. Vikesniswari a/p M Sivam, yang merupakan saksi penting untuk mengesahkan sambutan hari jadinya, telah gagal dipanggil untuk memberikan keterangan. Menurut hakim bicara beban adalah terhadap perayu pertama untuk membuktikan pembelaan *alibi*nya;

D

E

(d) hakim bicara juga tidak mempercayai keterangan bahawa perayu pertama dan SD5 serta SD3 pada jam 3.30 pagi 12 Oktober 2014 ada membawa SD6 untuk mendapat rawatan telinganya yang ditetak dalam pergaduhan. Kejadian gaduh ini berlaku pada 10 Oktober 2014, mengapakah perlu menunggu dua hari untuk mendapatkan rawatan? Seterusnya telah diiringi oleh ramai ahli keluarga perayu pertama? Hakim bicara telah menolak pembelaan ini oleh kerana tiada penjelasan;

F

G

(e) menurut hakim bicara, di dalam keterangan sokongan oleh SD3 itu telah berlaku percanggahan yang ketara terutamanya mengenai waktu dia bersama-sama perayu pertama membawa SD6 ke klinik, di dalam percakapan beliau kepada ASP Chong, SD3 mengatakan mereka pergi ke Klinik Lourdes pada jam 12.30 malam pada 12 Oktober 2014 dan semasa disoal balas mengatakan jam 12.30 malam SD3 mengesahkan berlakunya percanggahan di dalam keterangan lisannya dengan percakapan kepada kepada ASP Chong, tiada penjelasan diberikan. Menurut hakim bicara kejadian bunuh atas si mati berlaku di antara jam 1.09 pagi sehingga jam 1.20 pagi pada 12 Oktober 2014. Keterangan-keterangan ini adalah meragukan dan perlu ditolak;

H

I

(f) hakim bicara juga turut menolak pembelaan alibi perayu pertama atas alasan bahawa terdapat percanggahan ketara diantara percakapan perayu pertama (D34) yang mengatakan, pada jam 12 malam, 12 Oktober 2014 beliau telah keluar pergi ke klinik untuk membeli ubat kerana kaki beliau berdarah. Kemudian di barisan yang lain dalam D34, perayu pertama pula mengatakan pada hari yang sama jam 3.30 pagi dia dan ahli keluarganya telah membawa Prakash (SD6) ke klinik. Berdasarkan

kepada percakapan di atas, hakim bicara membuat kesimpulan yang perayu pertama telah keluar daripada majlis itu pada hari kejadian daripada jam 12 tengah malam sehingga jam 3.30 pagi baru dia balik. Sebaliknya keterangan SD3, SD4, SD5 dan SD6 mengatakan pada malam 11 Oktober 2014 daripada jam 10.30 malam sehingga jam 4.15 pagi esoknya, perayu pertama sememangnya berada bersama-sama mereka. Perbezaan keterangan ini menurut hakim bicara telah gagal dijelaskan oleh perayu pertama;

(g) hakim bicara juga turut mengulas mengenai sambutan hari jadi yang dikatakan diadakan pada malam 11 Oktober 2014 daripada jam 10.30 malam hingga 3 pagi. Menurut hakim bicara, saksi-saksi pembelaan perayu pertama telah memberikan masa yang berbeza mengenai bilakah sambutan itu tamat, SD5 mengatakan pada jam 1.30 pagi, SD6 pula jam 12.30 pagi dan SD7 pula mengatakan jam 1 pagi hingga 1.30 pagi, keterangan-keterangan ini timbul semasa mereka di soal balas;

(h) hakim bicara juga memutuskan bahawa, perayu pertama sendiri mengaku yang beliau dan SP4 iaitu Kojak tidak mempunyai apa-apa perselisihan faham ataupun bergaduh maka tidak mungkin SP4 akan mengada-adakan cerita tentang penglibatan perayu pertama dalam membunuh si mati; dan

(i) hakim bicara seterusnya berpuas hati menerima keterangan SP4 dan SP8 yang mengatakan mereka telah melihat perayu pertama terlibat di dalam membunuh si mati. Apa yang lebih penting ialah jarak rumah perayu pertama dengan tempat kejadian adalah dekat, lebih kurang lima minit menaiki kenderaan, ataupun sepuluh minit berjalan kaki. Dalam keadaan ini, adalah mudah untuk perayu pertama berada ditempat kejadian tersebut.

[7] Penemuan hakim bicara mengenai pembelaan perayu kedua pula adalah seperti berikut:

(a) hakim bicara telah menolak pembelaan alibi perayu kedua ini atas alasan-alasan berikut:

(i) keterangan perayu kedua adalah bercanggah dengan keterangan SD8, iaitu kakak saudara kepada perayu kedua. Khususnya berkenaan dengan siapakah yang menghadiri upacara sembahyang 'Sangili Karuppav' yang diadakan di rumah SD8. Perayu kedua berkata dia sembahyang bersama isteri dan tiga orang anak-anaknya yang masih kecil. Manakala SD8 pula berkata dia bersembahyang bersama-sama suaminya dan empat orang anak-anaknya; dan

(ii) keterangan SD8 juga bercanggah dengan percakapan beliau di

dalam eksh D37, iaitu mengenai isu sama ada upacara sembahyang itu boleh atau tidak dilihat oleh jiran-jirannya? Di dalam D37 beliau mengatakan bahawa jiran-jiran beliau tidak nampak tetapi di dalam keterangan SD8 di mahkamah beliau mengatakan bahawa jiran-jirannya boleh nampak keluarganya bersembahyang pada malam itu. Hakim bicara seterusnya memutuskan bahawa SD8 bukanlah saksi yang jujur yang boleh dipercayai.

**[8]** Hakim bicara juga mendapati bahawa notis alibi itu hanya difailkan selepas tiga tahun kedua-dua perayu ditangkap oleh polis. Fakta ini telah diputuskan oleh hakim bicara sebagai meragukan mahkamah. Pembelaan alibi ini adalah penafian dan rekaan kedua-dua perayu semata-mata, seterusnya telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

HUJAHAN OLEH PERAYU-PERAYU

**[9]** Peguambela perayu pertama telah menghujahkan terdapat 13 isu melalui petisyen rayuan yang difailkan. Bagaimanapun selepas kami meneliti kesemua isu-isu itu, kami merumuskan hanya terdapat isu-isu berikut untuk kami pertimbangkan dan seterusnya membuat keputusan iaitu:

(a) kes pendakwaan telah didengar oleh pesuruhjaya kehakiman Tuan Wong Teck Meng (PK) sehingga saksi pendakwaan SP12, sebelum diambil alih oleh YA Dato' Indera Hj Ab Karim bin Hj Ab Rahman untuk mendengar keterangan saksi pendakwaan SP12 sehingga tamat dan pihak pendakwaan telah menutup kes mereka selepas SP12 selesai memberi keterangan. Peguambela perayu pertama berhujah. Hakim bicara yang mendapati perayu pertama dan disabitkan dengan pertuduhan hanya mendengar 0.5% sahaja keterangan dari saksi-saksi pendakwaan, maka Mahkamah Rayuan patutlah campur tangan di dalam menilai penemuan hakim bicara YA Dato' Indera Hj Ab Karim;

(b) hakim bicara telah gagal untuk mendapati atau menilai keterangan yang membawa kepada satu keraguan yang ketara atas isu sama ada saksi mata SP4 dan SP8 benar-benar menyaksikan si mati telah ditetak oleh perayu pertama dan perayu kedua, seterusnya mengecamkan mereka pada masa kejadian itu? dan

(c) sama ada hakim bicara telah gagal menimbangkan pembelaan alibi oleh perayu pertama?

**[10]** Perayu kedua pula telah menimbulkan isu-isu berikut untuk pertimbangan kami:

(a) sama ada hakim bicara telah tersalah arah mengenai isu pembelaan alibi perayu kedua memandangkan SP12 (pegawai penyiasat) telah gagal untuk menjalankan siasatan dengan terperinci?

(b) sama ada hakim bicara telah dengan betul membuat penemuan bahawa, SP4 dan SP8 benar-benar dapat mengecamkan penyerang-penyerang yang membunuh si mati? dan

(c) sama ada hakim bicara dengan secukupnya telah memfokuskan mindanya berkenaan dengan isu niat bersama?

**[11]** Berikut adalah inti pati hujahan bertulis dan hujahan lisan oleh pihak responden:

(a) keterangan saksi mata, iaitu SP4 yang mengatakan beliau ada mendengar jeritan dari si mati, iaitu abang SP4, kemudian SP4 pun bangun dari tidur dan pergi ke dapur rumah dan melihat dari tingkap abangnya sedang ditetak oleh tiga orang lelaki bersenjatakan parang. SP4 dapat mengecamkan dua orang iaitu 'Botak' (perayu pertama) dan 'Ayya' (perayu kedua);

(b) keterangan di atas telah disokong oleh keterangan SP8 yang turut menceritakan tindakan beliau apabila mendengar jeritan oleh si mati sebelum dibunuh;

(c) pengecaman oleh SP4 dan SP8 terhadap kedua-dua perayu adalah baik, kerana kawasan kejadian diterangi lampu dari luar dan dalam rumah; kedua jarak tempat kedua-dua mereka berada dengan jarak tempat kejadian adalah lebih kurang sepuluh kaki dan lama masa melihat lebih kurang 3 ke 4 minit;

(d) menurut responden, pengecaman di dalam kes ini adalah kukuh, kerana SP4 dan SP8 memang mengenali kedua-dua perayu selama 3 hingga 4 tahun sebelum kejadian. SP8 dan perayu pertama tinggal di kampung yang sama; seterusnya SP8 juga dapat memberikan diskripsi pakaian yang dipakai oleh perayu pertama semasa kejadian;

(e) responden telah merujuk kepada kes *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138 dan prinsip melalui kes *R v Turnbull and others* [1976] 3 All ER 549;

(f) walaupun pengecaman melalui kawad cam telah ditolak oleh mahkamah, ini tidak melemahkan kes responden kerana pengecaman oleh SP4 dan SP8 adalah secara positif. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Arumugam s/o Muthusamy v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 73; [1998] 3 CLJ 597;

(g) mengenai isu, mengapakah SP4 dan SP8 gagal membuat laporan polis, responden menjawab bahawa laporan polis, bukanlah merupakan

keterangan yang *substantive* seperti yang diputuskan melalui kes *Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175 (MP), *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 dan *Maniam Santhiran lwn Public Prosecutor* [2010] 6 CLJ 611;

(h) selain itu penjelasan yang dibuat oleh SP4 bahawa beliau sibuk menguruskan pengkebumian abangnya juga adalah mencukupi. Seterusnya responden berhujah bahawa Laporan Polis Sri Muda 6188/11 (P9) adalah memadai sebagai laporan pertama kejadian dan juga pernyataan saksi yang SP4 dan SP8 buat kepada polis tidak dicabar. Kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209;

(i) hujahan responden mengenai pembelaan kedua-dua perayu pula adalah tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan walaupun notis alibi (eksh D28 dan D29) telah dimasukkan mengikut s 402A Kanun Tatacara Jenayah. Menurut responden notis alibi ini dan pembelaan kedua-dua perayu adalah gagal kerana alasan-alasan berikut:

(i) pengecaman oleh SP4 dan SP8 terhadap kedua-dua perayu itu adalah pengecaman yang positif. Keterangan kedua-dua saksi ini adalah konsisten dan bersifat 'recognition' dan boleh dipercayai. Responden merujuk kepada kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49 (perenggan 82–84);

(ii) pembelaan merujuk kepada kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49 (para 82–84); dan

(iii) terdapat percanggahan keterangan saksi-saksi pembelaan, khususnya berkenaan dengan pembelaan alibi. Percanggahan itu juga adalah sesuatu yang 'material' kerana merujuk kepada masa, tarikh dan keberadaan perayu-perayu di lokasi alibi tersebut. Malah, saksi-saksi yang dipanggil tersebut pula adalah ahli keluarga kedua-dua perayu yang lebih cenderung kepada untuk menyelamatkan kedua-dua perayu.

**[12]** Oleh yang demikian, pihak responden berhujah bahawa, mahkamah ini patutlah menolak rayuan oleh kedua-dua perayu terhadap sabitan dan hukuman yang diputuskan oleh hakim bicara.

PENEMUAN OLEH MAHKAMAH RAYUAN

**[13]** Kami telah membaca dan mendengar hujahan bertulis dan hujahan lisan oleh pihak perayu-perayu dan pihak responden, seterusnya kami telah memutuskan untuk membenarkan rayuan oleh kedua-dua perayu ini. Sabitan dan hukuman oleh hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes ini telah

diketepikan. Kedua-dua perayu diperintahkan supaya dilepaskan dan dibebaskan. A

**[14]** Berikut adalah alasan-alasan kami di dalam membenarkan rayuan perayu-perayu: B

(a) sama ada hakim bicara dengan betulnya telah membuat pertimbangan, khususnya mengenai 'demeanour' saksi-saksi pihak pendakwaan/responden, bilamana beliau hanya mengambil alih pendengaran kes ini pada tahap saksi terakhir pendakwaan, iaitu semasa SP12 memberi keterangan. Kes pada mulanya didengar oleh YA Tuan Wong Teck Meng, pesuruhjaya kehakiman (PK) sebelum diambil alih pendengaran seterusnya oleh YA Dato' Indera Hj Ab Karim bin Hj Ab Rahman. Apa yang penting diberi perhatian adalah sama ada YA Dato' Hj Ab Karim benar-benar mempertimbangkan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan itu? C D

(b) peguambela perayu pertama berhujah bahawa prinsip mahkamah yang mendengar rayuan perayu harus perlahan di dalam mencampuri penemuan fakta oleh hakim bicara tidak boleh diterimapakai di dalam kes ini. Satu perkara penting yang dibangkitkan oleh peguambela perayu pertama adalah hakim bicara tidak berpeluang untuk mendengar keterangan dan melihat 'demeanour' saksi mata, iaitu SP4 dan SP8 semasa memberikan keterangan mereka di dalam kes ini; E

(c) setelah meneliti nota-nota prosiding, kami berpendapat bahawa hujahan peguambela tersebut adalah bermerit. Hakim bicara juga telah gagal untuk memanggil semula SP4 dan SP8 bagi mendapatkan pencerahan berkenaan dengan apa yang mereka dengar dan apa yang mereka berdua lihat pada malam kejadian. Hakim bicara juga perlu memberikan tumpuan bahawa kedua-dua saksi ini adalah mempunyai hubungan atau pertalian kekeluargaan dengan si mati. Kecenderungan untuk menokok tambah fakta-fakta pemberatan terhadap kedua-dua perayu tidak boleh dianggap tidak relevan; F G

(d) kami ingin merujuk kepada kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97, yang telah memutuskan seperti berikut: H

> Generally, an appellate court will not intervene unless the trial court was shown to be plainly wrong in arriving at its decision or where there had been no or insufficient judicial appreciation of the evidence. Judicial appreciation of evidence meant that a judge who was required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may I

A have in giving his evidence. Where contemporary documents existed, he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. The principle central to appellate interference is that a decision arrived at by a trial court without judicial appreciation of the evidence may be set aside on appeal.

B

(e) isu kedua adalah, sama ada keterangan SP4 dan SP8 yang dikatakan sebagai saksi mata, yang mana hakim bicara bergantung, boleh dipercayai sepenuhnya, khususnya apabila pihak responden telah gagal untuk memanggil beberapa orang saksi penting, iaitu ibu kepada si mati dan SP4 dan juga Geetha a/p Elamethelian, iaitu kakak ipar si mati dan SP4. Kedua-dua saksi ini telah membuat laporan polis. Geetha melaporkan kepada polis kurang daripada tiga jam selepas kejadian. Manakala ibu si mati bernama Nagakanniga a/p Subramaniam telah membuat laporan polis dua hari selepas kejadian. Kedua-dua laporan polis tersebut telah dikemukakan oleh pihak pembelaan sebagai ekshs D8 dan D10;

C

D

(f) setelah kami meneliti D8 dan D10 tersebut, ternyata nama kedua-dua perayu yang dikenali sebagai 'Botak' dan 'Ayya' tidak pun disebut di dalam laporan-laporan itu. Kami bersetuju dengan hujahan pihak perayu-perayu bahawa satu 'adverse inference' bolehlah diambil pakai terhadap pihak responden menurut s 114(g) Akta Keterangan 1950. Kami berpendapat sekiranya kedua-dua saksi ini dipanggil memberi keterangan nescaya mereka akan dapat mengesahkan isi kandungan kedua-dua laporan polis tersebut. Puan Nagakanniga juga turut hadir semasa perbicaraan dan dipanggil untuk pengecaman oleh saksi-saksi responden;

E

F

(g) kami juga turut meneliti keterangan SP10, iaitu saudara kepada SP4. Menurut SP10, semasa mereka sampai ditempat kejadian, SP4 dan SP8 langsung tidak memberi tahu mereka bahawa perayu pertama dan perayu kedua yang menetak si mati. Persoalannya, mengapakah SP4 dan SP8 yang mengenali penyerang-penyerang si mati tidak memberitahu ibunya mengenai perkara ini? Ini memberi satu kesimpulan kepada kami bahawa SP4 terutamanya, memang tidak dapat mengecamkan penyerang-penyerang si mati pada malam itu. Perkara ini membangkitkan satu keraguan kepada kredibiliti SP4 sendiri;

G

H

(h) peguambela perayu pertama juga telah membangkitkan percanggahan keterangan di antara SP4, SP8 dan SP10 mengenai jumlah orang yang terlibat menyerang si mati. SP4 mengatakan tiga orang, SP8 mengatakan tiga orang manakala SP10 pula mengatakan SP4 dan SP8 memberitahunya, seramai lima orang telah menyerang si mati. Satu lagi keterangan mengenai perkara ini adalah daripada SP12. SP12 mengatakan SP4 memaklumkan kepadanya bahawa seramai tiga hingga empat orang telah menyerang si mati. Kami mendapati bahawa hujahan

I

di atas adalah bermerit kerana terdapat percanggahan keterangan berlaku oleh saksi-saksi yang dikatakan saksi mata;

(i) mengenai pembelaan alibi oleh kedua-dua orang perayu pula, kami mendapati hakim bicara juga telah gagal untuk menimbangkan dengan teliti pembelaan itu. Ini kerana pembelaan itu telah seawal-awal lagi dinyatakan oleh perayu-perayu kepada SP12, pegawai penyiasat, kami merujuk kepada pernyataan beramaran perayu-perayu bertanda sebagai eksh D34 oleh perayu pertama dan D37 oleh perayu kedua; bagaimanapun SP12 telah gagal untuk menjalankan siasatan rapi khususnya untuk menemubual pihak klinik yang merawat pesakit yang dibawa oleh perayu pertama ke klinik tersebut; dan

(j) manakala hakim bicara telah meletakkan satu beban terhadap perayu kedua yang gagal untuk memanggil jiran-jiran berdekatan rumah kakak perayu pertama untuk membuktikan upacara sembahyang yang dinyatakan oleh perayu kedua di dalam notis alibinya. Perlu diingat bahawa tugas perayu pertama apabila dipanggil untuk membela diri hanyalah untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah, oleh itu kami mendapati bahawa hakim bicara telah tersalah arah di dalam perkara ini untuk membolehkan kami mencampuri penemuan beliau itu.

**[15]** Setelah kami mengambil kira semua rekod-rekod rayuan dan hujahan oleh kedua-dua pihak di dalam rayuan ini, dan berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, kami mendapati bahawa rayuan ini adalah bermerit, seterusnya kami telah membenarkan rayuan daripada kedua-dua perayu, keputusan dan hukuman hakim bicara adalah di ketepikan. Kedua-dua perayu diperintahkan dibebaskan dan dilepaskan.

*Rayuan-rayuan dibenarkan; keputusan dan hukuman oleh hakim bicara diketepikan; perayu-perayu diperintahkan agar dibebaskan dan dilepaskan.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar